



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76
No. 43

26hb Oktober 2023

TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN

N.S. P.U. 10.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri, Negeri Sembilan membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Pindaan) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 2004 [*N.S. P.U. 11/2004*] yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Pengecualian penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) bagi permohonan kebenaran merancang berskala kecil di Negeri Sembilan.

(4) Sesuatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(3) Akta yang diberi kepada pemohon untuk meminda pelan hendaklah dibuat dalam Borang A(1) Jadual Pertama.

(5) Pemohon yang diberikan apa-apa arahan bertulis di bawah subkaedah (3) hendaklah mengembalikan semula pelan yang telah dipinda kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh 2 minggu atau tempoh yang dilanjutkan atas permintaan pemohon dan dipersetujui oleh pihak berkuasa perancang tempatan melalui Borang A(2) Jadual Pertama.”.

Pindaan kaedah 16

3. Kaedah 16 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan “permintaan” dengan perkataan “rekuisisi” dalam teks bahasa kebangsaan; dan
- (b) dalam subkaedah (1), (2) dan (3) dengan menggantikan perkataan “permintaan” dengan perkataan “rekuisisi” di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa kebangsaan.

Pindaan kaedah 17

4. Kaedah 17 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “permintaan” dengan perkataan “rekuisisi” dalam teks bahasa kebangsaan.

Pindaan kaedah 19

5. Kaedah 19 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan “permintaan” dengan perkataan “rekuisisi” dalam teks bahasa kebangsaan; dan
- (b) dalam subkaedah (1) dan (2) dengan menggantikan perkataan “permintaan” dengan perkataan “rekuisisi” di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa kebangsaan.

Pindaan Jadual Pertama

6. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Borang A dengan Borang yang berikut:

"BORANG A

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 2(1)]

Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan,
Majlis *Daerah/Perbandaran/Bandaraya.....
.....*Saya/kami
(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)beralamat
(Alamat)No. KP: dengan ini memohon untuk kebenaran
merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

- (a) untuk *mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini *suatu bangunan/bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- (b) untuk memecah sempadan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (c) untuk menyatukan tanah-tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (d) untuk membuat perubahan yang material dalam penggunaan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (e) untuk membuat perubahan yang material dalam penggunaan bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (f) untuk membuat *tambahan/perubahan ke atas sesuatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (g) untuk menjalankan aktiviti pertanian/perladangan komoditi/komersil;
- (h) untuk menjalankan aktiviti penternakan haiwan secara komersil;
- (i) untuk menjalankan kerja kejuruteraan;
- (j) untuk menjalankan kerja perindustrian;
- (k) untuk menjalankan kerja perlombongan/kuari;

- (l) untuk menjalankan kerja merobohkan bangunan seperti yang ditunjukkan dalam pelan yang disertakan;
- (m) untuk meminda pelan kebenaran merancang;
- (n) apa-apa pemajuan selain di atas.

- Nota:
1. Aktiviti pertanian/perladangan komoditi/komersial adalah projek pertanian berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta seperti getah, kelapa sawit, nanas, padi, buah-buahan, sayur-sayuran serta tanaman industri dan bunga.
 2. Aktiviti penternakan haiwan secara komersial adalah projek penternakan haiwan berskala besar dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta seperti penternakan ayam, kambing, lembu dan lain-lain.

Kegunaan tanah yang sedia ada

Kegunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah

.....

Kepentingan pemohon pada tanah: *tuanpunya/penduduk/bakal pembeli/kepentingan lain:

.....

2. Seperti yang dikehendaki oleh subkaedah 2(2) Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 2004, saya/kami sekarang menyerahkan semua dokumen dan pelan yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 2004, saya/kami sekarang menyerahkan fi sebanyak RM (..... Ringgit Malaysia) sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh:
 (Tandatangan Pemohon)

+ Sila tandakan(√) di kotak yang berkenaan.
 * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

PERIHALAN TANAH

Majlis Daerah/Perbandaran/Bandaraya

No. Geran/No. Pajakan/No. Hak Milik Sementara:

Alamat:

No. Lot:

Jenis Kegunaan (bangunan, pertanian, perindustrian):

.....

Mukim:
(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan perihalan yang sama bagi setiap lot lain itu)

PERSETUJUAN TUAN PUNYA TANAH

Saya/Kami
(Nama tuan punya tanah)

beralamat:
(Alamat)

No. KP: tuan punya tanah yang diperihalkan di atas,
 bersetuju dengan pemajuan yang berkenaan dengannya kebenaran merancang dipohon dengan ini.

Tarikh:

 (Tandatangan tuan punya tanah)

[Fasal Pengakusaksian]

(Jika ada tuan punya yang lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi setiap orang daripada mereka)

NAMA TUAN PUNYA TANAH-TANAH YANG BERSEMPADANAN

- | | |
|----------------|----------------|
| 1. Nama: | 2. Nama: |
| No. Lot: | No. Lot: |
| Alamat: | Alamat: |
| | |
| | |
| 3. Nama: | 4. Nama: |
| No. Lot: | No. Lot: |
| Alamat: | Alamat: |
| | |
| | |

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

No. permohonan merancang:
 Tarikh terima:
 Nombor Rujukan:
 No. Rancangan Tempatan:
 Jenis Kegunaan dalam Rancangan Tempatan:
 Nisbah petak dalam Rancangan Tempatan:
 Tarikh diakui terima:

AKUAN TERIMA PERMOHONAN

(Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

dengan ini mengaku terima permohonan bertarih untuk kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan tanah yang mempunyai No. Hakmilik No. Lot: di dalam Mukim/ Daerah No. permohonan merancang: No. Rujukan:

Tarikh: Meterai : (Pegawai diberi kuasa)";

(b) dengan memasukkan selepas BORANG A borang yang berikut:

"BORANG A (1)

ARAHAN UNTUK PINDAAN PELAN

[Subkaedah 2(3)]

Subseksyen 21(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada: (Pemohon)

Setelah membuat semakan ke atas permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, keperluan teknikal serta perancangan pemajuan sedia ada arahan bertulis adalah dengan ini dikenakan kepada (nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat bagi tujuan (Nyatakan jenis pemajuan)

nombor lot di dalam Mukim di dalam Daerah sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan No. Rujukan dan syarat-syarat teknikal yang dilampirkan.

2. Tuan dikehendaki mengembalikan pelan yang dipinda dalam tempoh 2 minggu dari tarikh notis ini dikeluarkan. Kegagalan untuk mengembalikan semula pelan yang telah dipinda dalam tempoh tersebut atau tempoh kebenaran yang dilanjutkan, permohonan kebenaran merancang itu disifatkan telah ditarik balik.

Tarikh:

Meterai:
(Nama dan Tandatangan Pegawai
diberi kuasa)

BORANG A (2)

MBNUNAI ARAHAN BERTULIS

[Subkaedah 2(4)]

Subseksyen 21(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan/Majlis Daerah/Majlis Perbandaran/Majlis Bandaraya:

.....
.....
.....

*Saya/kami
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

No. KPPN dengan ini mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang seperti yang diarahkan oleh pihak tuan bernombor rujukan yang disampaikan pada saya pada untuk dipertimbangkan semula bagi kelulusan kebenaran merancang dengan pemajuan yang dicadangkan di atas nombor lot dalam Mukim/Pekan/Bandar dalam Daerah

Tarikh:

.....
(Nama dan Tandatangan
Pemohon);

(c) Borang B Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Majlis *Daerah/Perbandaran" perkataan "/Bandaraya,".

Pindaan Jadual Kedua

7. Jadual Kedua Kaedah-Kaedah ibu dipinda menggantikan Jadual Kedua yang berikut—

“JADUAL KEDUA**DOKUMEN-DOKUMEN DAN PELAN-PELAN YANG HENDAKLAH
DISERTAKAN DENGAN PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN
MERANCANG****[Subkaedah 2(2)]****A. DALAM HAL APA-APA PEMAJUAN SELAIN PECAH BAHAGIAN
DAN PENYATUAN**

1. 8 salinan setiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan pelan tapak atau pelan susun atur yang ditandatangani oleh pemohon, tuan punya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu. Pelan itu mestilah—
 - (a) dilukis mengikut apa-apa skala yang sesuai beza antara 1:200 hingga 1:1,000 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut skala 1 inci : 1 batu atau 1:50,000 meliputi kawasan dalam jarak lingkungan 3 batu (5 kilometer) dari pemajuan yang dicadangkan itu, dan tunjukkan semua penanda batu dalam jarak lingkungan itu;
 - (b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, dalam hal bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu berada;
 - (c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
 - (d) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai pelbagai kegunaan tanah itu;
 - (e) menunjukkan kedudukan, perpenjuru (*terminations*), persilangan, dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak dirizabkan, disusun atur atau dibina di atas tanah itu;
 - (f) menunjukkan saluran bawah tanah yang dicadangkan, termasuk salur keluar saluran ke parit-parit tepi jalan yang biasa;
 - (g) menunjukkan jalan masuk yang sah dari tapak itu ke jalan raya;
 - (h) menunjukkan kegunaan-kegunaan yang bersempadanan;
 - (i) menunjukkan dengan fotograf tapak sedia ada/keadaan bangunan;
 - (j) menunjukkan susunan tempat letak kereta;
 - (k) menunjukkan pengekal seni taman ke atas pemajuan yang dicadangkan;
 - (l) menunjukkan garisan bangunan dan anjak belakang dari rizab jalan;
 - (m) menunjukkan garisan kontur mengikut jeda antara 1 hingga 5 kaki atau 0.5 hingga 2 meter;

- (n) menunjukkan tanda utara dan skala;
 - (o) menyediakan ruang atas pelan bagi syarat teknikal yang dikenakan dan syarat bagi kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan.
2. Suatu pernyataan yang memperihalkan pemajuan yang dicadangkan, iaitu Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) seperti yang dikehendaki oleh seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.
 3. Salinan benar hakmilik tanah yang diperakui dan disokong dengan carian rasmi terbaru, tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan kebenaran merancang.
 4. Dokumen-dokumen yang sah untuk menjamin adanya jalan masuk yang sah dari tapak ke jalan raya.
 5. 8 salinan setiap satu, apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan atau perubahan-perubahan yang dicadangkan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan elevasi, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi setiap tingkat dan ukuran masing-masing.
 6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan;
 7. Gambar foto keadaan sedia ada di tapak dan gambar foto lot di sempadan utara, selatan, timur dan barat tapak.
 8. Carian rasmi lot berjiran jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
 9. Cadangan pelan keratan rentas dan pelan keratan rentas sedia ada termasuk kawasan sekitar dalam jarak 100 meter dari sempadan tapak jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan; dan
 10. Dokumen sokongan termasuklah laporan penilaian kesan lalu lintas, laporan penilaian kesan alam sekitar, laporan penilaian impak sosial, laporan sistem perparitan, laporan pelan kawalan hakisan dan kelodak dan laporan geoteknikal, yang disediakan oleh orang yang berkeelayakan, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
- B. PENGECUALIAN PENYEDIAAN LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN (LCP) BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BERSKALA KECIL DI NEGERI SEMBILAN**
1. Jenis-jenis permohonan kebenaran merancang yang dikecualikan daripada penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan adalah seperti berikut:
 - (a) Tadika (bangunan kediaman sediada);
 - (b) Taska (bangunan kediaman sediada);

-
- (c) Pusat jagaan kanak-kanak (bangunan kediaman sediada);
 - (d) Pusat jagaan orang tua (bangunan kediaman sediada);
 - (e) Pusat jagaan orang kurang upaya (bangunan kediaman sediada);
 - (f) Rumah kebajikan;
 - (g) Rumah anak yatim;
 - (h) Pusat penjagaan anak dan ibu (*confinment centre*);
 - (i) Pusat Cuci Kenderaan;
 - (j) Papan iklan luar (*billboard*);
 - (k) Pemajuan yang tidak melibatkan sebarang pembangunan fizikal tetapi lebih kepada meletakkan syarat (contohnya seperti meletak syarat nyata daripada 'tiada' kepada 'perniagaan' sahaja dan permohonan tersebut selaras dengan zon perancangan di dalam rancangan tempatan). Hanya untuk pembangunan komersial (1 unit bangunan rumah kedai/ kedai pejabat) sahaja; dan
 - (l) Permohonan kebenaran merancang bagi cantuman dan penyatuan tanah (bagi permohonan yang selaras dengan zon perancangan di dalam rancangan tempatan).
2. Walaubagaimanapun, pihak pemohon perlu mengemukakan profail cadangan pembangunan sebagai dokumen yang menggantikan LCP dengan memperincikan maklumat seperti berikut yang tidak memerlukan disediakan oleh jururancang bertauliah iaitu:
- (a) Aktiviti yang dijalankan;
 - (b) Keadaan bangunan tanah/tanah (pandangan hadapan, belakang sisi dan dalam bangunan/tanah);
 - (c) Konsep dan justifikasi pemajuan;
 - (d) Peta lokasi dan pelan tapak;
 - (e) Surat hakmilik tanah;
 - (f) Keadaan pembangunan sekitar dari aspek fizikal sosial dan alam sekitar;
 - (g) Mengemukakan notis lot berjiran sekiranya berkaitan;
 - (h) Pelan lantai; dan
 - (i) Pelan susun atur yang melibatkan cantuman lot dan tukar syarat selaras perkara 1(k) dan (l)."

Pindaan Jadual Ketiga

8. Jadual Ketiga kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Bahagian Satu dengan Bahagian Satu yang berikut:

"JADUAL KETIGA

BAHAGIAN SATU

FI PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

[Kaedah 4]

Subseksyen 21(1) dan subseksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
		MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)	(Ruang 2)	(Ruang 3)
1.	Untuk mendirikan bangunan baru di atas tanah kosong atau menggantikan bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah.		
	A. Kediaman		
	(i) 100 unit pertama	30.00/unit	25.00/unit
	(ii) 100 unit berikutnya	25.00/unit	20.00/unit

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		F1 (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(iii)	Lebih 200 unit	20.00/unit	15.00/unit
	(iv)	Kediaman kos rendah	Dikecualikan	Dikecualikan
	(v)	Rumah mampu milik (RMM) oleh Kerajaan Negeri	25.00/unit	25.00/unit
	B.	Perindustrian		
	(i)	Keluasan lantai 100 m.p pertama	55.00	50.00
	(ii)	75 m.p berikutnya	35.00	30.00
	(iii)	50 m.p berikutnya	30.00	25.00
	C.	Komersial		
	(i)	Kompleks Perniagaan	0.50/m.p	0.50/m.p
	(ii)	Pasar	0.50/m.p	0.50/m.p
	(iii)	Gerai	0.50/m.p	0.50/m.p
	(iv)	Hotel/Motel/Rumah Penginapan	10.00/bilik	10.00/bilik

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(v)	Pangsapuri Perkhidmatan	100.00/unit	100.00/unit
	(vi)	Hypermarket	0.50/m.p	0.50/m.p
	(vii)	Pasaraya	0.50/m.p	0.50/m.p
	(viii)	Medan Selera	0.50/m.p	0.50/m.p
	(ix)	Institusi Pendidikan Swasta		
		(i) Keluasan lantai 100 m.p pertama	50.00	45.00
		(ii) 75 m.p yang berikutnya	30.00	25.00
		(iii) 50 m.p yang berikutnya	25.00	20.00
	(x)	Hospital Swasta	0.50/m.p	0.50/m.p
	(xi)	Klinik Swasta	0.50/m.p	0.50/m.p
	(xii)	Gimnasium	0.50/m.p	0.50/m.p
	(xiii)	Stesen Minyak	1,000.00/permohonan	750.00/permohonan

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(xiv)	Dewan (Swasta)		
		a) Dewan Permainan	0.50/m.p	0.50/m.p
		b) Dewan Dalam Bangunan Perniagaan	0.50/m.p	0.50/m.p
	(xv)	Sekolah Swasta	0.50/m.p	0.50/m.p
	(xvi)	Tadika Swasta	0.50/m.p	0.50/m.p
	Nota: mana-mana aktiviti yang tidak terdapat di dalam kategori C (i) hingga (xvi)			
	(i)	Keluasan lantai 100 m.p pertama	50.00	45.00
	(ii)	75 m.p yang berikutnya	30.00	25.00
	(iii)	50 m.p yang berikutnya	25.00	20.00
	D	Rekreasi Swasta		
	(i)	Golf		
		(A) Rumah Kelab Golf (Kawasan Bangunan)	0.55/m.p	0.55/m.p
		(B) Padang Golf	1,000.00/permohonan	750.00/permohonan

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			(Ruang 2)	(Ruang 3)
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
		(Ruang 1)	(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(ii)	Taman Tema		
		(A) Bangunan Dalam Taman Tema	0.55/m.p	0.55/m.p
		(B) Kawasan Taman Tema	80.00/ekar	80.00/ekar
	(iii)	Lapang Sasar	100.00/ekar	100.00/ekar
	(iv)	Rumah Kelab	0.50/m.p	0.50/m.p
	(v)	Kompleks Sukan	0.50/m.p	0.50/m.p
	(vi)	Kemudahan Rekreasi Swasta Lain (Contoh: Gelanggang Futsal, Badminton, Litar Go-Kart, Kolam Renang Dan Lain-Lain).	0.50/m.p	0.50/m.p
	E.	Kemudahan Masyarakat		
	(i)	Pendidikan	1,000.00/permohonan	1,000.00/permohonan
	(ii)	Kesihatan, Bomba, Polis dan Lain-lain	500.00/permohonan	500.00/permohonan
	(iii)	Bagi penyediaan rizab untuk tujuan kemudahan masyarakat dalam sesuatu pelan susun atur	30.00/rizab	30.00/rizab

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
F.	Infrastruktur Dan Utiliti			
	(i)	Menara Telekomunikasi	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(ii)	Paip Minyak/Gas	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(iii)	Ibu Sawat/Stesen Janakuasa/Bekalan Elektrik	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(iv)	Sistem Pembentukan (Pusat Rawatan Kumbahan)	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(v)	Tapak/Stesen Transit Sisa Pepejal	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(vi)	Sistem Pengangkutan Berlandasan (Contoh: HSR/MRT/ LRT)	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(vii)	Kemudahan Sokongan Sistem Lebuhraya (contoh: R&R, plaza tol, pusat perhentian)	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(viii)	Lapangan Terbang	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(ix)	Tangki Air	500.00/ permohonan	500.00/ permohonan
	(x)	Bagi penyediaan rizab untuk tujuan infrastruktur dan utiliti dalam sesuatu pelan susun atur	30.00/rizab	30.00/rizab
	G.	Lain-lain		
	(i)	Marina	1,000.00/ permohonan	1,000.00/ permohonan
	(ii)	Kubur/Krematorium/ Kolumbarium/Parlo Swasta	2,000.00/hektar	2,000.00/hektar
	(iii)	Tempat Letak Kereta	2/bay	2/bay
	(iv)	Tempat Letak Kenderaan Berat	5/bay	5/bay
	(v)	Pelabuhan Darat	1,000.00/ permohonan	1,000.00/ permohonan
	(vi)	Pelabuhan Laut	1,000.00/ permohonan	1,000.00/ permohonan
	(vii)	Perlombongan Seperti Kuari Dan Lain-Lain	800.00/ekar	800.00/ekar

BL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(viii)	Papan Iklan	i. Saiz besar melebihi 1,200kp: RM1,500.00 ii. Saiz sederhana (400 kp – 1,200 kp): RM1,000.00 iii. Saiz kecil kurang daripada 400 kp: RM500.00	i. Saiz besar melebihi 1,200kp: RM1,500.00 ii. Saiz sederhana (400 kp – 1,200 kp): RM1,000.00 iii. Saiz kecil kurang daripada 400 kp: RM500.00
	H.	Susun Atur Dalam Bentuk Pelan Induk	80.00/ekar	80.00/ekar
	I.	Pembangunan bercampur (kediaman dan bukan kediaman)	Fi seperti yang dikenakan dalam ruang 2, subperenggan 1A hingga 1G	Fi seperti yang dikenakan dalam ruang 3, subperenggan 1A hingga 1G
	J.	Untuk membuat tambahan/perubahan ke atas sesuatu bangunan		
	(i)	Untuk tambahan/perubahan yang melibatkan tambahan bilangan unit/ruang lantai	Fi yang dikenakan dalam ruang 2, subperenggan 1A hingga 1G bagi tiap-tiap tambahan unit/ruang lantai	Fi yang dikenakan dalam ruang 3, subperenggan 1A hingga 1G bagi tiap-tiap tambahan unit/ruang lantai

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN		FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
			MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DABRAH JELEBU, MAJLIS DABRAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)		(Ruang 2)	(Ruang 3)
	(ii)	Untuk tambahan/ perubahan bagi setiap tambahan yang tidak melibatkan tambahan unit/ruang lantai.	30.00/ permohonan	30.00/ permohonan
	K.	Aktiviti penternakan dan berkaitan (tidak termasuk pendirian bangunan)	1,000.00/ permohonan	1,000.00/ permohonan
	L.	Aktiviti pertanian dan berkaitan (tidak termasuk pendirian bangunan)	1,000.00/ permohonan	1,000.00/ permohonan
2.	Untuk memecah bahagikan tanah		10.00/plot	10.00/plot
3.	Untuk memecah sempadan tanah (tidak melibatkan pendirian bangunan)		30.00/plot	30.00/plot
4.	Untuk menyatukan tanah		10.00/plot	10.00/plot
5.	Untuk membuat perubahan yang material pada kegunaan tanah		30.00/ permohonan	30.00/ permohonan
6.	Untuk membuat perubahan yang material pada kegunaan bangunan		30.00/ permohonan	30.00/ permohonan
7.	Permohonan pindaan pelan kebenaran merancang		50% daripada yuran proses	50% daripada yuran proses

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM) MENGIKUT KATEGORI PBT	
		MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL (RM)	MAJLIS DAERAH KUALA PILAH, MAJLIS DAERAH TAMPIN, MAJLIS DAERAH JELEBU, MAJLIS DAERAH REMBAU DAN PENGARAH PERANCANG NEGERI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN DI LUAR KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)
	(Ruang 1)	(Ruang 2)	(Ruang 3)
8.	Kebenaran Merancang Kerja Bangunan		
(i)	Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan	Fi seperti yang dikenakan dalam subperenggan 1A hingga 1G (tidak termasuk pelan induk, pelan konsep dan perkara berkaitan dengannya)	Fi seperti yang dikenakan dalam subperenggan 1A hingga 1G (tidak termasuk pelan induk, pelan konsep dan perkara berkaitan dengannya)
(ii)	Kebenaran Merancang Perobohan/Bina Semula	1,000.00/permohonan	1,000.00/permohonan
(iii)	Kebenaran Merancang Pemajuan Melibatkan Ruang Udara (Komersial)	Fi seperti yang dikenakan dalam subperenggan 1A hingga 1G (tidak termasuk pelan induk, pelan konsep dan berkaitannya)	Fi seperti yang dikenakan dalam subperenggan 1A hingga 1G (tidak termasuk pelan induk, pelan konsep dan berkaitannya)".

(b) dengan menggantikan Bahagian Dua dengan Bahagian Dua yang berikut:

“BAHAGIAN DUA

FI BAGI PERMOHONAN UNTUK PERLANJUTAN KEBENARAN MERANCANG

[Kaedah 4]

Subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976

JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI
Untuk semua jenis dan komponen pemajuan	50% daripada kadar fi yang dikenakan bagi jenis dan komponen pemajuan yang dinyatakan dalam BAHAGIAN SATU”.

(c) dengan menggantikan Bahagian Tiga dengan Bahagian Tiga yang berikut:

“BAHAGIAN TIGA

FI BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG YANG TELAH DIKENAKAN NOTIS

[Kaedah 4]

Subseksyen 27(3) dan 28(3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976

JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI
Untuk pemajuan tanpa kebenaran merancang	10 hingga 20 kali ganda daripada kadar fi yang dikenakan bagi jenis dan komponen pemajuan yang dinyatakan dalam BAHAGIAN SATU”.

[JPBD.N1/430/5078 Jld.2 (3); PU/NS (G) 8/2023]
Dibuat 18 Oktober 2023

MOHD AMIN BIN LUDIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Sembilan